



PENYATAAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN HASIL

Sebagai ejen pemungut hasil cukai langsung negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) adalah komited dalam pelaksanaan Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) atau *Business Continuity Management* (BCM) bersandarkan kepada amalan terbaik untuk melindungi operasi organisasi, sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada pihak yang berkepentingan daripada impak negatif yang disebabkan oleh gangguan yang tidak dirancang atau disengajakan.

PKP adalah proses pengurusan secara holistik bagi menambahbaik ketahanan (*resilience*) dan ketersediaan organisasi untuk mengurus apa-apa jenis gangguan operasi yang berpanjangan. PKP adalah komponen utama dalam Pengurusan Risiko Korporat (ERM) dan juga merupakan sebahagian daripada tadbir urus terbaik.

Polisi ini memberikan gambaran jelas berkenaan komitmen kepada PKP dan mengintegrasinya dalam budaya serta amalan HASiL yang akan dicapai dengan pengenalan dan pelaksanaan yang efektif terhadap Manual SPKP.

Objektif Polisi Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan HASiL adalah:

- Memberi perlindungan kepada orang, sistem dan infrastruktur sepanjang masa.
- Mengurus sebarang gangguan untuk meminimumkan impak, sama ada dalam bentuk kewangan dan sebaliknya, kepada HASiL dan pihak yang berkepentingan.
- Mengembalikan semula dan meneruskan fungsi kritikal perkhidmatan *Critical Business Function* (CBF), sistem dan proses utama HASiL dengan cepat dan berkesan, yang disebabkan oleh sebarang gangguan.

Anggota Lembaga dan Pengurusan Atasan HASiL adalah bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan Polisi PKP ini untuk memastikan kesyinambungan perkhidmatan teras organisasi.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Abu Tariq Bin Jamaluddin', is written over a horizontal line.

DATUK DR ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF HASiL
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

10 FEBRUARI 2026